



MERIAM lama peninggalan penjajah di Bukit Malawati, di Kuala Selangor.

BM 1/7/07 MS 11

Raffles dalang sebenar bangsa Melayu dijajah

Ketidakstabilan politik, perebutan kuasa dan takhta, antara kunci utama British campur tangan

BERBANDING penjajahan Portugis dan Belanda, British adalah antara kuasa penjajah yang paling banyak meninggalkan kesan dan warisan budaya asing terhadap tanah air kita.

Malah, tatkala sejarah menunjukkan Portugis hanya menjajah Melaka manakala Belanda melebarkan pengaruhnya di Melaka, Perak dan beberapa negeri lain, British menjajah seluruh Tanah Melayu termasuk Sabah dan Sarawak.

Bermula dengan merampas Pulau Pinang dari Kedah pada 1786, penjajah asing itu kemudian mengasaskan zaman kolonial selama kira-kira 170 tahun sehingga meninggalkan kesan terhadap politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu.

Sejarah panjang penjajahan penuh berlaku itu bermula dengan kemunculan kapal laut British yang berlabuh di Tanah Melayu pada abad ke-18. Mereka pada mulanya mengangkat sauh dan belayar jauh meninggalkan bumi England untuk mencari peluang perdagangan dan meluaskan tanah jajahan.

Kempen menjajah tanah asing bagi meluaskan jajahan Kerajaan Inggeris itu sudah lama dirancang bangsa asing terbabit iaitu sejak 1600 apabila mereka menubuhkan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI).

Mereka kemudian mula belayar dan sentiasa mengintai peluang menjajah tanah asing. Melewati masa, SHTI berjaya bertapak di India dan bermula dari situ, mereka meneruskan pelayaran sehingga tiba di Kedah.

Kedudukan Pulau Pinang yang strategik untuk dijadikan pangkalan tentera, pusat pengumpulan barang dagangan serta pelabuhan persinggahan, menarik minat SHTI untuk menduduki pulau itu. Peluang itu tiba apabila Kedah menawarkan Pulau Pinang kepada SHTI dengan syarat British perlu memberi bantuan ketenteraan apabila Kedah diserang Siam.



SIR ANDREW CLARKE

Kapten SHTI, Francis Light dan Sultan Kedah, Sultan Abdullah kemudian menandatangani Perjanjian Inggeris-Kedah 1786 tetapi SHTI tidak mengotakan janji mereka apabila Kedah diserang, sebaliknya British terus menduduki Pulau Pinang secara haram.

Serangan demi serangan dilancarkan Kedah bagi membebaskan tanah watan mereka yang dirampas British, gagal dan akhirnya pendudukan penjajah itu di Pulau Pinang diiktiraf Siam menerusi Perjanjian Burney 1826.

Selepas menduduki Pulau Pinang, British ingin menduduki Singapura pula berikutan mereka beranggapan pulau itu lebih sesuai dijadikan pelabuhan. Kesempatan itu muncul apabila wakil SHTI, Stamford Raffles mendapati berlaku perebutan kuasa dalam Kerajaan Johor.

Raffles tiba di Singapura pada 12 Januari 1819 dan memaksa Temenggung Abdul Rahman menandatangani perjanjian membenarkan SHTI membina loji di pulau itu. Temenggung Abdul Rahman terpaksa menandatangani perjanjian itu kerana khawatir diserang angkatan perang Raffles.



STAMFORD RAFFLES

Bagi menjayakan rancangannya menjajah Singapura, Raffles menjadi batu api dengan memeralat kekanda Sultan Johor, Tunku Hussein yang gagal ditabal sebagai Sultan Johor untuk kembali merampas kuasa.

Di bawah sokongan British, Tunku Hussein dilantik menjadi Sultan menyebabkan Johor ketika itu memiliki dua Sultan iaitu Sultan Hussein yang bersemayam di Singapura dan Sultan Abdul Rahman yang bersemayam di Lingga.

British kemudian semakin 'besar kepala' dan menggunakan pengaruh serta kuasa ketenteraan mereka memaksa Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman menandatangani satu lagi perjanjian pada Februari 1819 yang antara syaratnya ialah Singapura diserahkan kepada SHTI buat selama-lamanya.

Pada 1824, Perjanjian London dime-terai antara British dengan Belanda di mana British memberi Bangkahulu di Sumatera kepada Belanda manakala Melaka yang dijajah Belanda ketika itu, diserahkan kepada British sebagai pertukaran.

Dua tahun kemudian, British menggabungkan Pulau Pinang, Singapura

dan Melaka menjadi Negeri-negeri Selat (NNS) bagi menyeragamkan pentadbiran dan menjimatkan perbelanjaan.

Keayaan hasil bumi di Tanah Melayu terutama bijih timah, emas, bijih besi dan arang batu mula menarik minat British untuk meneruskan penjajahan mereka bagi merampas sumber kekayaan itu daripada negeri Melayu.

Revolusi Perindustrian yang ter-cetus di England pada akhir abad ke-18 menyebabkan British mula merangka strategi menguasai Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan bagi mendapatkan bijih timah dan hasil bumi lain.

Lalu pada 1874, 'dasar campur tangan British di negeri Melayu' diperkenalkan bagi membolehkan bangsa asing itu membabitkan diri dalam urusan pentadbiran negeri Melayu menerusi Sistem Residen dan Penasihat British.

Keadaan politik tidak stabil, perebutan kuasa dan takhta, pergaduhan kongsi gelap Cina selain kekecohan dan perang saudara di beberapa negeri Melayu menjadi kunci untuk British campur tangan seterusnya memaksa Sultan Melayu menerima naungan British.

Kehadiran residen dan penasihat British yang kebanyakannya bertindak mencampuri pemerintahan, menggubal pelbagai peraturan dan cukai yang menekan penduduk selain tidak menghormati adat resam penduduk, menyebabkan timbulnya kebangkitan menentang penjajah.

Beberapa pahlawan Melayu dan anak watan bangkit tanpa gentar menentang British. Antaranya Datuk Maharajalela, Datuk Sagor, Pandak Indut dan Sepuntum membunuh Residen British JWW Birch di Pasir Salak, Perak pada 1875.

Tentangan turut diberikan Yamtuan Antah di Seri Menanti, Negeri Sembilan pada 1875; Datuk Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah di Pahang (1894); Mat Salleh di Sabah (1897); Tok Janggut di Pasir Puteh, Kelantan (1915) dan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu (1928).